



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS LENGKAPKAN KERTAS SIASATAN UNTUK PENDAKWAAN KES KEBAKARAN DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SUNGAI BURUNG

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang melengkapkan kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi kesalahan pembakaran terbuka dan di bawah Seksyen 34A, AKAS 1974 bagi pelanggaran syarat-syarat Environmental Impact Assessment (EIA) terhadap pihak pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPSP) Pulau Burung Fasa 1, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Ini adalah ekoran kejadian kebakaran di tapak pelupusan tersebut sejak 12 Januari 2021.
2. JAS juga meneruskan pemantauan dan pengukuran kualiti udara di kawasan berhampiran penduduk menggunakan alat portable particulate analyser di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti manakala alat portable *gas analyser* ditempatkan di kawasan-kawasan sensitif bagi mengukur kehadiran gas-gas toksik di sekitar TPSP Pulau Burung.
3. JAS juga telah menempatkan stesen pemantauan kualiti udara bergerak di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Byram, Nibong Tebal bagi mengukur status kualiti udara untuk mendapatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) kawasan terlibat.
4. Kebakaran di TPSP Pulau Burung telah dipadam sepenuhnya namun lokasi masih berasap disebabkan proses penguraian timbunan sisa sampah yang menghasilkan gas metana yang mudah terbakar.
5. Kejadian ini tidak dipengaruhi oleh keadaan geologi tanah di kawasan tersebut kerana ia bukan daripada jenis tanah gambut yang mudah terbakar.
6. Berdasarkan kajian di bawah Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut Mudah Terbakar untuk Mengatasi Jerebu di Malaysia oleh JAS pada tahun 2019 dan maklumat Peta Taburan Tanah

KM JAS 2/2022
UNTUK SIARAN SEGERA 9 FEBRUARI 2022

Gambut olah Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan bahawa Pulau Pinang tidak mempunyai kawasan tanah gambut yang boleh dikaitkan dengan kejadian kebakaran di TPS, Pulau Burung.

7. Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau muat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di Android 'Google Play' dan di Apple 'App Store'.
8. Orang ramai diminta bersama-sama meningkatkan usaha pencegahan pembakaran terbuka dan bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil serta melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di talian 999 dan JAS di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau melalui e-Aduan JAS di laman sesawang <https://eaduan.doe.gov.my>.

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar

Dikeluarkan pada 9 Februari 2022